

Kuktem terajui pembangunan sumber manusia, teknologi

PEKAN 2 Nov. — Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem) yang dibangunkan di Kuala Pahang di sini akan menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi industri kimia, petrokimia dan sumber asli.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed berkata, Kuktem yang menawarkan program akademik berteraskan teknologi, kejuruteraan dan sistem komputer juga diberi tanggungjawab menerajui industri pembuatan dan proses.

Beliau berkata, program akademiknya pula menggabungkan kejuruteraan dan teknologi bagi melahirkan jurutera kimia, mekanikal, elektrikal, elektronik, fotonik dan teknologi nano.

“Fokus universiti ialah pembangunan sumber manusia dan menyalurkan segala hasil penyelidikan, produk inovatif dan khidmat kepakaran kepada industri setempat.

“Ia menjadi pemangkin kepada pembangunan di koridor industri di pantai Timur,” katanya.

Beliau berucap pada majlis peletakan batu asas kampus tetap Kuktem di Kuala Pahang di sini hari ini yang disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Pada tahun 2010, kampus tetap di kawasan seluas 720 hektar itu dijangka menampung 10,000 pelajar, 1035 kakitangan akademik dan 520 kakitangan sokongan.

Musa menjelaskan, ciri utama membezakan Kuktem dengan universiti awam lain ialah ia berdasarkan ilmu praktikal bertasarkan gunaan dan kemahiran.

Beliau berkata, ia menitikberatkan komponen teori dan amali, pembelajaran aktif, menekankan masalah teknikal industri serta mengamalkan budaya kerja cemerlang.

Katanya, kurikulum Kuktem pula mengandungi tiga komponen iaitu ilmu teknikal, kemahiran teknikal dan kemahiran keinsanan.

“Ini bermakna siswazah Kuktem dapat melakukan tugas yang diberikan apabila diambil bekerja kerana kurikulumnya digubal sesuai dengan kehendak industri,” ujarnya.

Pada masa ini Kuktem beroperasi di kampus sementara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) cawangan Pahang di Bandar Indera Mahkota, Kuantan dengan jumlah pelajar 307 orang.

Utusan Malaysia

3/11/02 (Ahad)

m/s 3